

Huguan Siou Lahirkan Impian Agar Kolej KDM Capai Status Universiti Pada Masa Depan
Bernama
08 Julai, 2012

RANAU, 8 Jun (Bernama) -- Huguan Siou (pemimpin tertinggi) Kadazandusun Murut (KDM) Tan Sri Joseph Pairin Kitingan melahirkan impian agar Kolej KDM yang bakal diwujudkan di Sabah akan mencapai status universiti pada masa akan datang, sekali gus menjadi mercu tanda kejayaan masyarakat itu.

Pairin, yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah, berkata penubuhan kolej itu membuka lembaran baru dalam arena pendidikan negara yang mengutamakan kepentingan semua kaum di negara ini.

"Ini satu keperluan kita dari segi pendidikan dan memberi peluang kepada generasi datang untuk menuntut ilmu. Saya yakin dengan persefahaman dan kerjasama semua pihak, kolej ini akan menjadi kolej yang besar dan berkembang sebagai sebuah universiti pada masa depan.

"Ini pasti akan menyerlahkan lagi penglibatan masyarakat KDM dalam bidang pendidikan selain melahirkan generasi muda yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang dapat memberi sumbangan kekuatan masa depan negeri dari segi ekonomi dan pendidikan," katanya.

Pairin, yang juga Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Murut (KDCA), berkata demikian ketika berucap pada Majlis Moginakan (Keramaian) Nunuk Ragang 2012 di Kampung Nunuk Ragang, dekat sini hari ini. Acara kemuncak majlis itu ialah ulang tahun ke-28 pertabalan Huguan Siou.

Sehubungan itu, beliau berkata masyarakat KDM seharusnya berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan negeri yang memberi kelulusan pembinaan kolej KDM di Tambunan dan seterusnya menegaskan betapa pentingnya mengekalkan hubungan baik antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Katanya Najib mengumumkan penubuhan Kolej KDM itu dalam kunjungan beliau ke Tambunan pada 17 Jun lepas.

Pairin turut meminta masyarakat KDM supaya terus mengekalkan amalan tradisional dan kebudayaan yang diwarisi sejak dahulu lagi untuk tatapan generasi akan datang.

Katanya ini penting bagi memastikan warisan nenek moyang itu tidak pupus ditelan zaman.

"Pesta Moginakan Nunuk Ragang yang disambut setiap tahun amat istimewa bagi memperingati asal usul nenek moyang masyarakat Kadazandusun Murut serta memberi peluang kepada masyarakat itu untuk mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan dan perpaduan di kalangan mereka.

"Kita harus meneruskan amalan yang kita warisi daripada nenek moyang dan kita datang untuk merayakan pesta Nunuk Ragang kerana ingatan kita bahawa kebudayaan dan amalan tradisi masyarakat kita bernilai tinggi," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678916>